

**KESAN KAUNSELING KELOMPOK PERKEMBANGAN DAN RAWATAN (KKPR)
TERHADAP KONSEP KENDIRI, RESILIEN DAN DAYA TINDAK PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (SMKA)**

Nurul Fazzuan Bin Khalid

SMKA Sultan Azlan Shah,
32600, Bota, Perak
fazzwone@yahoo.com

Abstrak

Kajian eksperimental ini dijalankan berdasarkan tiga tujuan. Pertama, mengukur kesan Kaunseling Kelompok Perkembangan dan Rawatan (KKPR) terhadap konsep kendiri, resilien dan daya tindak kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Kedua, mengukur kesan KKPR terhadap konsep kendiri, resilien dan daya tindak kumpulan rawatan maraton dan kumpulan rawatan mingguan. Ketiga, mengukur kesan KKPR terhadap konsep kendiri, resilien dan daya tindak kumpulan rawatan keluarga berpendapatan tinggi dan kumpulan rawatan keluarga berpendapatan rendah. Seramai 60 subjek diagihkan secara rawak kepada empat kumpulan rawatan mingguan dan maraton (keluarga berpendapatan tinggi dan keluarga berpendapatan rendah) dan dua kumpulan kawalan. Data kuantitatif ujian pra dan pos dikumpul menggunakan Skala Konsep Kendiri Multidimensi, Skala Daya Ketahanan serta Inventori Strategi Daya Tindak dan dianalisis secara deskriptif dan inferensi melalui ujian statistik min, MANCOVA dan Post Hoc Tukey pada aras signifikan 0.5. Hasil kajian menunjukkan; pertama, kumpulan rawatan KKPR lebih berkesan meningkatkan konsep kendiri, resilien dan daya tindak berbanding kumpulan kawalan. Kedua, kumpulan rawatan mingguan lebih berkesan berbanding kumpulan rawatan maraton dalam meningkatkan konsep kendiri, resilien dan daya tindak subjek. Ketiga, kumpulan rawatan pendapatan keluarga rendah lebih berkesan berbanding kumpulan rawatan pendapatan keluarga tinggi dalam meningkatkan konsep kendiri, resilien dan daya tindak subjek. Kesimpulannya, KKPR didapati berkesan meningkatkan konsep kendiri, resilien dan daya tindak terhadap subjek.

Kata Kunci: *Kaunseling Kelompok, Konsep Kendiri, Resilien, Daya Tindak*